



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MODEL NILAI KEPIMPINAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI ZON SENTUL, KUALA LUMPUR

NOR HASIMAH BINTI RAMELAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun





ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina Model Nilai Kepimpinan Guru. Kajian ini menggunakan soal selidik dan ditadbir kepada guru-guru di 19 buah sekolah menengah kebangsaan di zon Sentul, Kuala Lumpur. Seramai 320 responden telah dipilih dalam kajian ini dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Data dalam kajian ini dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif, analisis faktor eksploratori (EFA) dan analisis faktor konfirmatori (CFA) bagi mengukur susun atur pertama (*first order factor*) dan juga susun atur kedua (*second order factor*) bagi Model Nilai Kepimpinan Guru. Kajian ini mendapati sebanyak tiga sub konstruk nilai kepimpinan guru telah terbentuk iaitu peneraju proses pengajaran dan pembelajaran, memupuk budaya kerjasama dan pakar rujuk. Implikasi kajian ini dilihat dapat memberi maklumat tambahan kepada teori kepimpinan guru, garis panduan terhadap latihan dan program peningkatan profesionalisme kepada guru, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.







TEACHER LEADERSHIP VALUES MODEL FOR SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN SENTUL ZONE, KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This study aims to build Teacher's Leadership Values Model. This study used a questionnaire and administered to teachers in 19 secondary schools in Sentul zone, Kuala Lumpur. A total of 320 respondents were selected in this study by using simple random sampling. The data is analyzed using descriptive statistics, exploratory factor analysis (EFA) and exploratory factor analysis (CFA) to measure the first order factor and the second order factor. The results shows that there are three sub constructs were formed in Teacher's Leadership Values Model. The sub constructs are leading the process of teaching and learning, fostering a culture of cooperation and referral leader. The implication of this study is seen to provide additional information in teacher leadership theories, guidelines on training and professional development program for teachers, schools and the Ministry of Education Malaysia.






KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Konsep Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Definisi Operasional	14



	1.10.1 Sekolah Menengah Kebangsaan	14
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	
	1.10.2 Nilai	15
	1.10.3 Kepimpinan Guru	17
	1.10.4 Nilai Kepimpinan Guru	19
	1.10.5 Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)	19
	1.10.6 Menjadi Ikutan (MI)	20
	1.10.7 Keterlibatan Aktif dalam Organisasi (KAdO)	20
	1.10.8 Memupuk Budaya Kerjasama (MBK)	21
	1.10.9 Jalinan Komuniti (JK)	21
	1.10.10 Pakar Rujuk (PR)	22
	1.11 Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	
	2.1 Pendahuluan	24
	2.2 Nilai	25
	2.3 Nilai Menurut Islam	26
	2.4 Tonggak Dua Belas	28
	2.5 Standard Guru Malaysia	31
	2.6 Kepimpinan Guru	34
	2.6.1 Sejarah Kepimpinan Guru	34
	2.6.2 Konsep Kepimpinan Guru	36
	2.7 Teori Nilai Kepimpinan Guru	37
	2.7.1 Teori Nilai Rokeach	37
	2.7.2 Teori Nilai Asas Kemanusiaan Schwartz	39
	2.7.2.1 Sifat Nilai Menurut Schwartz	40
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	
	2.8 Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)	43

2.9	Menjadi Ikutan (MI)	44
2.10	Keterlibatan Aktif dalam Organisasi (KAAdO)	45
2.11	Memupuk Budaya Kerjasama (MBK)	46
2.12	Jalanan Komuniti (JK)	48
2.13	Pakar Rujuk	48
2.14	Kajian – Kajian Lepas	49
2.15	Rumusan	54
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Populasi Kajian	56
3.4	Sampel Kajian	58
3.5	Instrumen Kajian	59
3.6	Kajian Rintis	61
3.7	Kesahan Kandungan	62
3.8	Analisis Faktor Eksploratori Instrumen Nilai Kepimpinan Guru	64
3.8.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.8.2	Kesahan Konstruk	75
3.9	Prosedur Penganalisisan Data	76
3.9.1	Analisis Deskriptif	76
3.9.2	Analisis Model Pengukuran Struktural	76
3.9.2.1	Analisis Faktor Konfirmatori (CFA) Instrumen Nilai Kepimpinan Guru	79
3.9.2.2	Analisis Faktor Konfirmatori (CFA) Second Order	85
3.10	Rumusan	85

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
4.1	Pendahuluan				86
4.2	Ringkasan Analisis Data Rintis CFA				87
4.3	Penyediaan data				88
4.4	Analisis Data				89
4.4.1	Analisis Bahagian A (Demografi)				89
4.4.2	Taburan Demografi Responden (N=320)				90
4.5	Analisis Data Bahagian B				92
4.5.1	Analisis Faktor Konfirmatori First Order				92
4.5.2	Analisis Faktor Konfirmatori Second Order				95
4.6	Rumusan				99

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
5.1	Pendahuluan				101
5.2	Ringkasan Kajian				102
5.3	Dapatan Kajian				103
5.4	Perbincangan				105
5.4.1	Pakar Rujuk (PR)				105
5.4.2	Memupuk Budaya Kerjasama (MBK)				106
5.4.3	Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)				107
5.5	Kesimpulan dan Cadangan				108
5.6	Implikasi Kajian				109
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan				111
5.7.1	Skop Kajian				111
5.7.2	Jumlah Bilangan Sampel				112
5.7.3	Metodologi Kajian				112

5.8 Penutup

113



RUJUKAN

pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

114

LAMPIRAN

125



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun





ptbupsi




SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Senarai Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Sentul	57
3.2 Instrumen Nilai Kepimpinan Guru	60
3.3 Penilaian Pakar Terhadap Instrumen Model Nilai Kepimpinan Guru	64
3.4 Indeks Kesepadanan Untuk Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	66
3.5 Ujian Kesesuaian Untuk Analisis Faktor Eksploratori dan Keseragaman Item KMO dan Ujian Bartlett's Test of Sphericity	67
3.6 Jumlah Varian yang Diterangkan (n=100)	68
3.7 Matriks Komponan Pemboleh Ubah Model Nilai Kepimpinan Guru Kaedah EFA Putaran Varimax Serta Nilai Keseragaman Item (n=100)	69
3.8 Pengguguran Item Selepas Putaran Varimax Dalam Model Nilai Kepimpinan Guru	71
3.9 Dapatan Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman Instrumen	73
3.10 Kesahan Konstruk Menggunakan Analisis Faktor Faktor dan Keseragaman Item	75
3.11 Kriteria Indeks Kesesuaian dan Intepretasinya	77
3.12 Kriteria Kesahan Yang Perlu Dipatuhi	78
3.13 Kriteria Kebolehpercayaan Yang Perlu Dipatuhi	79
3.14 Keputusan CFA Rintis Terhadap Instrumen Nilai Kepimpinan Guru	84
3.15 Keputusan CFA Rintis Bagi Pengukuran Model Nilai Kepimpinan Guru	84
4.1 Sub Konstruk dan Item Selepas CFA Rintis	87
4.2 Taburan Demografi Responden (N=320)	91
4.3 Keputusan CFA First Order Terhadap Instrumen NilaiKepimpinan Guru	94



4.4	Keputusan CFA First Order Terhadap Pengukuran Model Nilai Kepimpinan Guru	95
4.5	Keputusan CFA Second Order Terhadap Instrumen Nilai Kepimpinan Guru	97
4.6	Keputusan Analisis Faktor Konfirmatori Second Order	98
5.1	Konstruk Nilai Kepimpinan Guru	103





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka surat

1.1	Kerangka Konsep Nilai Kepimpinan Guru. Diadaptasi daripada Rokeach (1973), Schwartz (1992), Tonggak Dua Belas (1992) & Standard Guru Malaysia (SGM)	11
2.1	Hiraki Nilai Mengikut Islam. Sumber: Buku Sumber UNESCO-APNIEVE (1999)	27
2.2	Model Amalan Nilai Professional Keguruan. Diadaptasi daripada Standard Guru Malaysia (SGM)	32
2.3	Teori Nilai Rokeach (1973)	38
2.4	Teori Nilai Asas Schwartz (1992)	40
3.1	Model Asal Nilai Kepimpinan Guru: Pakar Rujuk (PR), Memupuk Budaya Kerjasama(MBK), Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)	81
3.2	Model Nilai Kepimpinan Guru: Pakar Rujuk (PR), Memupuk Budaya Kerjasama(MBK), Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)	83
4.1	Model Nilai Kepimpinan Guru (CFA First Order): Pakar Rujuk (PR), Memupuk Budaya Kerjasama (MBK), Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran(PPdP)	93
4.2	Model Nilai Kepimpinan Guru (CFA Second Order): Pakar Rujuk (PR), Memupuk Budaya Kerjasama (MBK), Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)	96





SENARAI SINGKATAN

BPPDP Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

CFA *Confirmatory Factor Analysis*

DPN Dasar Pembangunan Negara

EFA *Exploratory Factor Analysis*

EPP Etika Professional Pendidikan

FPK Falsafah Pendidikan Kebangsaan

IPG Institut Pendidikan Guru

IPTA Institut Pengajian Tinggi Awam



JK Jalinan Komuniti

KAdO Keterlibatan Aktif Dalam Organisasi

KMO *Kaiser-Meyer-Olkin*

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

MBK Memupuk Budaya Kerjasama


MI Menjadi Ikutan

PCA *Principal Component Analysis*

PPdP Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran

PR Pakar Rujuk

SGM Standard Guru Malaysia



SMK Sekolah Menengah Kebangsaan

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Nilai Kepimpinan Guru
- B Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan daripada UPSI
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- E Analisis Data

BAB 1

PENGENALAN

Pendidikan merupakan agenda terpenting dalam pembangunan sesebuah negara di mana dengan pendidikan ia dapat melahirkan generasi berwawasan yang mampu memikul tanggungjawab serta mendaulatkan negara. Sistem pendidikan perlu sentiasa berubah dari semasa ke semasa selari dengan peredaran zaman. Secara tidak langsung tugas dan tanggungjawab guru juga berubah dan semakin bertambah (Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid & Zulkifli Mohamed, 2008).

Andai sebelum ini tanggungjawab guru hanyalah mendidik dan mengajar namun di zaman era globalisasi ini, peranan guru bukan sahaja hanya mendidik tetapi mereka juga harus menjadi lebih bersedia dan praktikal dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi tingkah laku dan berupaya untuk meningkatkan pencapaian para

pelajar (Mohd Azam Mahat, 2009). Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah melahirkan guru yang berjiwa pendidik dan kompeten sekaligus melahirkan guru-guru yang berkualiti seperti yang dijelaskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pembelajaran 2006-2010.

Sehubungan itu, kerajaan telah memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan guru-guru yang berkualiti terutama dari segi nilai, kemahiran dan pengetahuan dengan latihan-latihan yang telah disediakan. Bakal-bakal guru diberi latihan kemahiran pengajaran yang secukupnya, memiliki ilmu pengetahuan bidang pengkhususan yang universal, bermotivasi tinggi, berkaliber, kompeten, berinovatif, berkarisma dan berupaya menjadi agen reformasi pendidikan yang berwibawa (Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid & Zulkifli Mohamed, 2008). Dengan adanya latihan berkaitan diharapkan negara mampu melahirkan guru-guru yang mempunyai nilai diri yang tinggi sekaligus melahirkan guru-guru yang mampu menjadi pemimpin kepada para pelajar, rakan sejawat, ibu bapa dan komuniti.

Guru-guru merupakan komponen teras penentu kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidik atau guru bukan sahaja bertindak sebagai penyampai ilmu malah bertanggungjawab mendidik akhlak yang baik kepada para pelajar mereka (Siti Salwa & Azlina, 2014). Guru-guru yang memiliki nilai peribadi yang positif, mampu untuk mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah terutama para pelajar (Hanim dan Maisarah, 2011). Ini bermakna, jika sesebuah sekolah itu didokong oleh guru-guru yang berpandangan jauh, berakhlak mulia dan berfikiran positif maka hasil yang akan diperoleh juga akan baik. Dengan

adanya guru-guru yang sebegini diharap dapat membantu meningkatkan kualiti pelajar-pelajar menjadi modal insan yang seimbang dan holistik (Ibrahim Taib & Marzuki Ngah, 2011).

Kesimpulannya, guru-guru mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai seorang pendidik untuk menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan ia dijalankan dengan penuh dedikasi. Perkara ini akan dapat direalisasikan jika guru-guru mematuhi kod etika sebagai seorang pendidik dan memiliki akhlak yang mulia (Baharin & Suzana, 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Profesion keguruan pada masa kini amat mencabar dan bakal-bakal guru mahu pun guru-guru sendiri perlu bersedia untuk menghadapinya. Isu mengenai guru dan profesion keguruan terus mendapat perhatian dan sering dibahaskan secara meluas sama ada di media massa, dalam kalangan masyarakat umum malah dibincangkan sehingga peringkat nasional. Sentimen negatif terhadap guru sering kali mendapat perhatian media massa walaupun belum sahih dan ia menimbulkan rasa prejudis dan kurang senang masyarakat terhadap individu guru (Sharifah Raudzah, 2008).

Namun begitu, masyarakat atau media massa tidak boleh disalahkan sepenuhnya kerana nilai-nilai yang ditonjolkan oleh guru-guru itu sendiri menyebabkan masyarakat memandang rendah profesion keguruan. Sebagai seorang guru, nilai dan jati diri yang baik perlu ditonjolkan kerana ia mampu memberi kesan

kepada orang lain khususnya para pelajar. Untuk menjadi guru yang terlatih, mereka mestilah mendapat latihan yang secukupnya. Kurikulum yang dipelajari membantu untuk melahirkan guru-guru yang mempunyai jati diri yang kukuh. Penerapan nilai dalam diri para guru amat penting supaya guru-guru boleh menjalankan tanggungjawab dengan penuh integriti (Hamidah Sulaiman, Siti Salina & Farrahidina Yusop, 2006).

Guru-guru juga seharusnya perlu mempunyai daya ketrampilan kognitif yang tinggi selain tidak mengabaikan ciri-ciri personaliti yang baik kerana nilai-nilai tersebut akan menjadi contoh dan ikutan kepada pelajar-pelajar (Azlina, 2008). Secara realitinya memang tidak dapat dinafikan bahawa guru-guru merupakan agen perubahan yang penting untuk memperkembangkan potensi individu dari segi fizikal, intelek, emosi dan sosial (Zakaria Stapa, Ahmad Munawir Ismail & Noranizah Yusof, 2012). Jelasnya, jika guru-guru mempunyai nilai diri yang rendah, mereka tidak akan bermotivasi untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Menyedari hakikat di atas, untuk menghadapi cabaran pada masa kini, guru-guru perlu tampil dengan membentuk nilai dan jati diri yang kukuh dalam diri masing-masing. Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md Aroff, Abdul Majid Isa dan Rahil Hj Mahyuddin (1996) bahawa guru seharusnya terlebih dahulu mengamal dan menghayati nilai-nilai murni. Lickona (1991) pula menjelaskan tentang tanggungjawab guru sebagai model penerapan nilai iaitu guru perlu menjadi penjaga, model dan mentor; mencipta komuniti moral; mengamal disiplin moral; membina kelas yang bercirikan demokrasi; mengajar nilai merentas kurikulum; menggunakan pembelajaran kooperatif; membina '*conscience of craft*'; memupuk keperihatinan

melangkaui batas kelas; membina budaya moral yang positif di sekolah dan jadikan



Ini diperakui oleh Habib Mat Som dan Megat Ahmad Kamaludin (2008) di manamereka menyatakan bahawa aspek utama yang perlu diteliti dalam memartabatkan profesion keguruan adalah keperibadian guru itu sendiri. Pada dasarnya kualiti peribadi yang terdapat pada guru-guru adalah merupakan sumber ilmu dan semangat untuk dicontohi dalam pembentukan akhlak yang baik (Ismail Abas, 2007).

Oleh kerana itu, guru-guru perlu menunjukkan nilai-nilai yang baik terhadap para pelajar, sekolah dan masyarakat. Pendek kata, imej seseorang adalah gambaran keseluruhan imej rohaniah, mental dan fizikal seseorang (JPA, 2007). Maka, guru-guru perlu mempunyai sifat-sifat yang terpuji yang mampu membimbing dan mendidik para pelajar untuk menjadi insan yang cemerlang sekaligus membentuk sahsiah peribadi mereka. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) yang menggariskan kompetensi profesional yang harus dicapai oleh guru-guru (KPM, 2009).

Menurut Robiah (1998), seseorang guru harus menekankan tiga aspek penting dalam dirinya iaitu kepakaran, pengetahuan dan pembentukan sahsiah kerana mereka bukan sahaja berkemahiran mengajar, mendidik dan mengembangkan ilmu, malah, sikap, tingkah laku dan disiplin diri juga harus dibentuk ke arah profesional.

Kementerian Pendidikan telah berusaha sejak dari dahulu lagi untuk menjadikan



bidang perguruan ini sebagai satu kerjaya yang profesional (KPM, 2007). Oleh itu, guruperlu mempersiapkandiri dengan ciri-ciri guru yang professional (SGM, 2009).

Laporan Suruhanjaya Diraja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat (Laporan Aziz, 1971), telah mencadangkan supaya diadakan Etika Profesion Perguruan (EPP) bagi Pembentukan Tatasusila Guru. Semua guru yang telah memperoleh sijil perguruan perlu memahami dan mematuhi. Penghayatan dan pengamalan EPP dalam kalangan guru adalah penting demi menjamin martabat profesion perguruan dipandang mulia di mata masyarakat. Kejayaan dan tanggungjawab seorang guru sebagai pendidik adalah selari dengan EPP seperti yang tercatat di halaman hadapan buku persediaan mengajar iaitu membentuk warganegara yang berilmu, taat setia, bertanggungjawab dan berkebolehan.

Tugas melahirkan guru professional dan berkualiti mencakupi nilai peribadi, kemahiran dan pengetahuan. Usaha ini dilihat begitu penting kerana pendidikan adalah instrumen untuk memproses, membentuk, memupuk, mengasuh, membina dan mencorak wajah generasi muda agar mampu menyumbangkan sesuatu khususnya kepada negara (Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid & Zulkifli Mohamed, 2008).

1.3 Pernyataan Masalah



Sistem pendidikan yang sentiasa berubah-ubah mengakibatkan bebanan tugas dan peranan guru-guru semakin bertambah dari semasa ke semasa sekaligus boleh mengakibatkan motivasi guru-guru merudum. Sejak kebelakangan ini terlalu banyak krisis yang melibatkan guru-guru dan menjadi agenda nasional untuk diatasi dengan berkesan. Secara tidak langsung, isu dan masalah yang timbul telah menjejaskan profesion keguruan itu sendiri dan guru-guru mendapat kritikan hebat daripada masyarakat. Sebagai contoh, isu soalan bocor sewaktu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014. Masyarakat mula mempertikaikan integriti guru (KPM, 2014).Kejadian seperti ini sepatutnya sama sekali tidak berlaku seandainya guru tersebut mempunyai nilai integriti yang tinggi terhadap profesion mereka.



Abdullah Ishak (1989) menyatakan, guru-guru perlu memiliki nilai kepimpinan seperti sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang sempurna dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan sahsiah yang sempurna. Pernyataan ini dipersetujui oleh Gamal (2003),seorang guru harus menjadi contoh dan teladan atau pemimpin yang baik kepada para pelajarnya mahupun rakan sekerja kerana setiap tindak tanduk mereka sentiasa diperhatikan. Jelasnya, adalah amat penting bagi guru-guru untuk melengkapkan diri mereka bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan tetapi apa yang lebih penting adalah melengkapkan diri mereka dengan akhlak yang mulia untuk dijadikan contoh terbaik kepada para pelajar.



Mereka memainkan peranan yang penting dalam memastikan organisasi sesebuah sekolah itu berkesan atau sebaliknya. Namun masih terdapat segelintir guru

yang gagal untuk memahami etika dan tatasusila perguruan yang diperlukan (Baharin & Suzana, 2010) sekaligus tidak mampu untuk mengaplikasikan nilai kepimpinan guru. Guru-guru yang mempunyai nilai kepimpinan peribadi yang tinggi mampu dan berjaya menjalankan tugas sebagai pendidik (Akhiar Pardi, Shamsina Shamsuddin & Muhammad Kushairi Jusoh, 2012).

Tidak banyak kajian yang dijalankan secara khusus berkaitan nilai kepimpinan guru sama ada dalam negeri mahupun luar negeri. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada kepimpinan pengetua atau pentadbir dan pengkaji-pengkaji lepas lebih memfokuskan aspek kepimpinan guru terhadap kemahiran dan pengetahuan guru-guru seperti kajian yang dijalankan oleh Danielson (2006), kepimpinan guru merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh individu guru untuk menggerakkan guru-guru lain bagi meningkatkan prestasi sekolah.

Penekanan terhadap aspek nilai kepimpinan guru tidak begitu spesifik walaupun ada disebut dalam kajian mereka. Contohnya dalam kajian Nik Aziz Nik Pa (1996) ada menyentuh tentang pentingnya mempunyai guru yang baik dari segi akhlak, intelektual, emosi, kreativiti, motivasi mengajar, kemahiran membimbing dan keterampilan memimpin supaya pembelajaran di bilik darjah menjadi lebih berkesan. Manakala kajian yang dilakukan oleh Apidah Abu Naim (2008) menjelaskan bahawa guru-guru memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk nilai dan akhlak para pelajar dan menurut beliau lagi, tanggungjawab guru bukan hanya semata-mata mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan sahaja.

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Sani, Abdul Rashid dan Abdul Ghani (2007), guru-guru yang mempunyai nilai kepimpinan, mampu menggalas tugas sebagai penasihat, mentor, fasilitator dan sekaligus dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, yakin, berintegriti dan mampu menghadapi cabaran yang mendatang. Kajian ini disokong Syed Ismail dan Ahmad Subki(2010) kerana guru merupakan agen yang berkebolehan dan mampu memberi pengaruh positif dalam kalangan pelajar. Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan bagi membina dan mengesahkan model nilai kepimpinan guru.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membangun dan menguji model nilai kepimpinan guru.

Objektif khusus kajian ialah untuk:

1. Menentukan sub konstruk nilai kepimpinan guru dapat membentuk model nilai kepimpinan guru.

1.5 Soalan Kajian

Untuk memenuhi objektif kajian ini, persoalan penting yang ingin dijawab di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah model nilai kepimpinan guru dapat diterangkan dengan enam sub konstruk berikut: Peneraju Proses Pengajaran dan Pembelajaran, Menjadi Ikutan, Keterlibatan Aktif Dalam Organisasi, Memupuk Budaya Kerjasama, Jalinan Komuniti dan Pakar Rujuk.

1.6 Hipotesis Kajian


- H1 Model nilai kepimpinan guru boleh diterangkan dengan enam sub konstruk berikut: Peneraju Pengajaran dan Pembelajaran, Menjadi Ikutan, Keterlibatan Aktif Dalam Organisasi, Memupuk Budaya Kerjasama, Jalinan Komuniti dan Pakar Rujuk.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian nilai kepimpinan guru ini melibatkan enam sub konstruk. Antara sub konstruk bagi mengukur nilai kemahiran guru ialah proses pengajaran dan pembelajaran, menjadi ikutan, keterlibatan aktif dalam organisasi, memupuk budaya kerjasama, jalinan komuniti dan pakar rujuk.

Setiap sub konstruk yang dihasilkan dalam instrumen nilai kepimpinan guru adalah dibentuk berdasarkan kepada teori-teori dan kajian-kajian lepas berkaitan nilai kepimpinan guru. Sub konstruk yang dibina adalah berdasarkan teori Rokeach (1973), teori Schwartz (1992), Tonggak Dua Belas (1992) yang telah diwartakan dan diguna

pakai oleh semua kakitangan awam seluruh Malaysia dan juga Standard Guru Malaysia (2009) yang menjadi panduan kepada institusi perguruan dan juga guru-guru di Malaysia. Pengkaji ingin mengkaji nilai kepimpinan guru berdasarkan konstruk nilai kepimpinan guru seperti Rajah 1 di bawah.



Nota:

PPdP = *Peneraju proses pengajaran dan pembelajaran*

MI = *Menjadi ikutan*

KAdO = *Keterlibatan Aktif dalam Organisasi*

MBK = *Memupuk budaya kerjasama*

JK = *Jalinan komuniti*

PR = *Pakar rujuk*

Rajah 1.1: Kerangka Konsep Nilai Kepimpinan Guru. Diadaptasi daripada Rokeach (1973), Schwartz (1992), Tonggak Dua Belas (1992) & Standard Guru Malaysia (2009)